



**PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN WANITA, KANAK-KANAK DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PUCHONG**

Pejabat Jawatankuasa Pilihan
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen
50680 KUALA LUMPUR

Telefon : 03- 26017229 / 03-26017117

e-mel : jkpk.dr@parlimen.gov.my

KENYATAAN MEDIA

***SYMPOSIUM ON CHILDREN'S RIGHTS LEGISLATIVE REFORM: THE CHILD
ACT 2001 & THE CONVENTION ON THE RIGHTS OF THE CHILD (CRC)
GOOD PRACTICES***

1. **KUALA LUMPUR, 9 JUN 2026** – Parlimen Malaysia melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan *Symposium on Children's Rights Legislative Reform: The Child Act 2001 & The Convention on the Rights of the Child (CRC) Good Practices* dengan kerjasama Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRRPM) Hak Kanak-kanak dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada 8 hingga 9 Jun 2026 (Isnin-Selasa) bertempat di Dewan Bankuet, Blok Utama, Parlimen Malaysia.
2. Simposium selama dua (2) hari ini menghimpunkan Ahli-ahli Dewan Rakyat, Senator, EXCO Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), wakil kementerian dan agensi kerajaan, badan hak asasi manusia, pakar undang-undang, ahli akademik, pertubuhan masyarakat sivil, rakan antarabangsa serta wakil kanak-kanak bagi membincangkan usaha memperkukuh kerangka perundangan dan dasar berkaitan hak serta perlindungan kanak-kanak di Malaysia.
3. Penganjuran simposium ini mencerminkan komitmen Parlimen Malaysia dalam menyediakan ruang perbincangan yang inklusif, berasaskan bukti dan berpandukan amalan baik antarabangsa, khususnya dalam konteks pelaksanaan Akta Kanak-Kanak 2001 dan prinsip-prinsip di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).
4. Antara perkara yang dibincangkan termasuk pendekatan reformasi undang-undang berasaskan hak kanak-kanak, akses kepada keadilan, mekanisme perlindungan dan remedi, peranan Parlimen serta institusi kerajaan dalam memperkukuh tadbir urus hak kanak-kanak, pembangunan bandar mesra kanak-kanak, isu identiti dan dokumentasi, alternatif kepada penahanan bagi

kanak-kanak pelarian serta hubungan antara CRC, Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan *Universal Periodic Review* (UPR) dalam memperkukuh perlindungan kanak-kanak.

5. Simposium ini turut memberi penekanan kepada kepentingan kerjasama merentas agensi dan peringkat pentadbiran, termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Parlimen, badan bebas, masyarakat sivil dan komuniti. Pendekatan menyeluruh ini penting bagi memastikan dasar dan undang-undang berkaitan kanak-kanak dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan berkesan.
6. Penyertaan wakil kanak-kanak dalam simposium ini juga memperkukuh prinsip bahawa pandangan dan pengalaman kanak-kanak wajar diberikan perhatian dalam proses pembentukan dasar serta penambahbaikan undang-undang yang memberi kesan kepada kehidupan mereka.
7. Melalui penganjuran ini, Jawatankuasa berharap agar dapatan, pandangan dan cadangan yang dikemukakan sepanjang simposium dapat menjadi rujukan berguna kepada Ahli-Ahli Parlimen, pembuat dasar, agensi pelaksana dan pihak berkepentingan dalam usaha memperkukuh perlindungan, kesejahteraan dan pembangunan kanak-kanak di Malaysia.
8. Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat akan terus memainkan peranan sebagai platform semak imbang, penelitian dasar dan libat urus strategik bagi menyokong usaha penambahbaikan undang-undang serta dasar berkaitan wanita, kanak-kanak dan pembangunan masyarakat.

TAMAT

**JAWATANKUASA PILIHAN WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
PARLIMEN MALAYSIA**